

Lelaki tempatan berkomplot dengan warga asing jadikan rumah teres sebagai transit

Rokok seludup RM1.5 juta dirampas

Oleh LUQMAN HAKIM RAHIM

KUANTAN – Selepas setahun mengaut keuntungan hasil penjualan rokok seludup, sindiket yang didalangi seorang lelaki tempatan bersama rakan jenayahnya, seorang lelaki warga asing ditumpaskan oleh Polis Marin Wilayah Tiga Pahang dalam serbuan di Taman Teruntum di sini, Rabu lalu.

Dalam serbuan pada pukul 1.30 petang di sebuah rumah yang menjadi transit sindiket tersebut, polis berjaya merampas 12,540 karton rokok pelbagai jenama yang diseludup dari negara jiran dengan anggaran nilai RM1.5 juta.

Komander Polis Marin Wilayah Tiga Pahang, Asisten Komisioner Azmi Ibrahim berkata, polis turut menjumpai 1,243 kotak berisi pelbagai merkun serta bunga api yang dipercayai merupakan stok lama



AZMI (depan) menunjukkan sebahagian rokok dan merkun yang dirampas di sebuah rumah pada sidang akhbar di Kuantan semalam.

yang masih belum dijual ketika musim perayaan lalu.

Terdahulu, Azmi berkata, sebelum operasi bermula, pihaknya telah mengesan sebuah van jenis Toyota yang mencurigakan keluar dari kawasan Batu 5, Kuala Sungai Kuantan di sini.

“Empat anggota polis terus mengekori van itu yang memasuki sebuah rumah di Taman Teruntum di sini,” katanya pada

sidang akhbar di sini semalam.

Ujar beliau, hasil siasatan awal mendapati, rumah tersebut dijadikan sebagai transit sebelum bekalan rokok seludup diagihkan untuk pasaran negeri-negeri di pantai timur.

“Kedua-dua suspek berumur antara 25 hingga 30 tahun akan ditahan untuk siasatan lanjut bagi mengesan ahli sindiket yang lain,” katanya.

Budak 10 tahun, ibu diikat penyamun

JEMPOL – Seorang budak lelaki berusia 10 tahun melalui pengalaman mengerikan apabila dia dan ibunya diikat oleh sekumpulan penyamun bersenjata parang kelmarin.

Kejadian pukul 2.15 petang itu berlaku ketika dua beranak itu sedang bersiap untuk keluar dari rumah mereka di Taman Akasia di sini.

Ketua Polis Daerah Jempol, Superintendan Hamzah Alias berkata, tiga lelaki yang memakai topeng muka kemudian menyerbu masuk ke dalam rumah mangsa yang ketika itu dalam keadaan pintu terbuka dan mengarahkan mereka diam.

“Suspek mengikat tangan dua beranak itu dengan wayar.

Dalam kejadian itu mangsa kehilangan barang kemas, wang tunai RM8,000, mata wang asing, barang kemas dan beg tangan berjenama yang kesemuanya bernilai RM17,000,” katanya di sini semalam.

Menurut Hamzah, rakaman televisyen litar tertutup menunjukkan penjenayah terlibat menaiki Honda CRV dengan seorang daripada mereka menunggu di dalam kenderaan manakala tiga lagi masuk ke dalam rumah mangsa.

Orang ramai yang mempunyai maklumat berhubung kejadian diminta menyalurkan kepada polis di Ibu Pejabat Polis Daerah Jempol di talian **06-4582 222**.